***Oleh itu, syarikat dibenarkan untuk membayar amaun ansuran mengikut jadual pindaannya sementara menunggu keputusan rayuan. Sekiranya rayuan tidak diluluskan, syarikat dikehendaki membayar perbezaan amaun ansuran berkenaan tanpa dikenakan penalti. Sekiranya penalti dikenakan, rayuan boleh dikemukakan secara bertulis sebelum tarikh tertentu.***

***Walau bagaimanapun, pembayar cukai dinasihatkan supaya menghantar CP204 bersama surat rayuan dengan lebih awal.***

## **2.12 Late Submission Penalty Imposed for Approved EOT cases**

The approval letter was attached together with the tax returns submitted to the IRB Pusat Pemrosesan, KL. The IRB still imposed late submission penalty for approved cases. The taxpayer had to subsequently appeal for the penalty to be waived and the IRB did not respond to the appeal promptly. As a result, the taxpayer was required to pay the penalty based on the Form J issued first. This affected their cash flow.

**For approved cases where the IRB has already issued the approval letter, the IRB should not impose any penalty at all. Where penalties are imposed, the IRB should approve the appeal promptly i.e. to waive the penalty before the due date of payment.**



**JAWAPAN:**

***Pada kebiasaannya, penalti tidak akan dikenakan ke atas kes lanjutan masa yang telah diluluskan dan kes penalti (jika ada) akan diselesaikan dalam tempoh satu bulan sekiranya rayuan didapati berasas.***

***Keadaan ini mungkin berlaku dalam kes pertukaran tempoh perakaunan di mana tarikh mula dan tutup akaun tidak dilengkapkan dengan betul. Tarikh yang harus diisi adalah tarikh berdasarkan tempoh perakaunan dan bukannya tempoh asas. Oleh itu, pembayar cukai / ejen cukai dinasihatkan supaya merujuk kepada penerangan dalam Buku Panduan Borang C di laman web LHDNM untuk panduan mengisi tarikh mula dan tutup akaun.***

***Jika penalti dikenakan, rayuan boleh dikemukakan dan pertimbangan akan diberikan berdasarkan merit kes.***

### **2.13 Refund cases**

Refund for tax paid in excess for December year end companies is still slow. Members have been informed by the Collections branch officer that they cannot process the refund as in their computer system, the assessment is not finalised yet. We were told to wait for 3 months and if the IRB Pusat Pemprosesan has still not processed the tax return after 3 months, we have to call the assessment branch (in Kuching) in order for them to check with the Pusat Pemprosesan in KL.

**The tax refund is slow and unsatisfactory. It is too troublesome for taxpayers to keep following up with the IRB in order to get the tax refunds. The Institutes suggest that the IRB expedite the tax refund process.**

**JAWAPAN:**

***Antara sebab berlakunya kelewatan pembayaran balik adalah kesilapan menuntut bayaran balik, borang nyata PDF yang tidak mengikut spesifikasi seperti ditetapkan dan sebagainya.***

***Pihak persatuan minta supaya isu-isu / masalah-masalah yang menyebabkan kelewatan pembayaran balik berserta cadangan penyelesaiannya disenaraikan sebagai panduan kepada ejen cukai.***

***Untuk mempercepatkan proses pembayaran balik, pembayar cukai / ejen cukai digalakkan mengguna e-Filing. Penggunaan borang nyata PDF tidak digalakkan kerana ia melambatkan proses imbasan dan pembayaran balik. Oleh itu, ejen cukai tidak dibenarkan mengguna borang nyata PDF mulai tahun taksiran 2008 bagi kes selain syarikat / koperasi / badan amanah, dan mulai tahun taksiran 2009 bagi kes syarikat / koperasi / badan amanah.***

## 2.14 Acknowledgement of receipt of documents

Every time tax returns (plus original dividend warrants ) are sent by courier from Kuching to IRB Pusat Pemprosesan, KL a request is made to the IRB to acknowledge receipt but it is not done. In fact a self addressed envelope is enclosed to make it easier for the IRB to return the acknowledgement but even with this, there is no acknowledgement given.

It is suggested that IRB Pusat Pemprosesan acknowledges receipt of all documents submitted to them by courier so that disputes are minimised in the future.

**JAWAPAN:**

*Sekiranya sampul surat beralamat sendiri ('self-addressed') disertakan, Pusat Pemprosesan biasanya akan menghantar balik salinan akuan terima kepada pembayar cukai / ejen cukai.*

*Perkara tersebut mungkin berlaku semasa tempoh puncak pengembalian borang nyata apabila jumlah borang yang diterima amat banyak. Oleh itu, ejen cukai dinasihatkan supaya menghubungi Pusat Pemprosesan sekiranya berlaku perkara tersebut.*

## 3 Isu-Isu daripada MAICSA

### 3.1 Public Company Limited by guarantee - Foundation

A Foundation which is a public company limited by guarantee and incorporated under the Companies Act, 1965 had in the past being issued with a C reference lately, it had been noted that they had been issued a F reference instead.

Please confirm whether a Foundation which is incorporated under the Companies Act 1965 should be issued with a C or F reference.

**JAWAPAN:**

*Sesuatu organisasi / institusi / badan perseorangan yang menggunakan apa-apa nama, dan ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan ('limited by guarantee') seperti yayasan dan mempunyai objektif seperti berikut akan didaftarkan di bawah jenis fail 'F' (Borang TF):-*

- (i) tidak bermotifkan keuntungan*
- (ii) semata-mata memberi manfaat kepada ahli*
- (iii) memelihara atau menggalakkan kepentingan ahli*

*Akan tetapi, sesuatu organisasi / institusi / badan perseorangan yang menggunakan apa-apa nama dan ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan ('limited by guarantee') yang tidak mempunyai objektif yang dinyatakan seperti di atas adalah dikategorikan sebagai jenis fail 'C' (Borang C).*

### **3.2 Single-tier tax system**

With the implementation of the single-tier tax system with effect from 01-01-2008, please confirm whether a Foundation which had received approval under Section 44(6) of the Income Tax Act 1967 is still required to furnish the tax return form as it does not have any taxable income.

**JAWAPAN:**

***Di bawah peruntukan subseksyen 77(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, sesebuah yayasan masih dikehendaki mengemukakan borang nyata kepada LHDNM sekiranya yayasan itu:-***

- (i) mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun taksiran berkenaan; atau***
- (ii) tidak mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun taksiran berkenaan, tetapi mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun taksiran sebaik-baik sahaja sebelum tahun taksiran berkenaan dan borang nyata telah dikemukakan seperti dikehendaki di bawah ACP 1967.***

### **3.3 Child Relief – Para 48 (3) of Income Tax Act 1967**

Under para 48(3), Income Tax Act 1967, a taxpayer who has a child who is over 18 years of age and studying locally or overseas in a university, college or similar establishment could claim 4 times the child relief.

Many taxpayers have children studying in universities, colleges or similar establishments who are under 18 years. To alleviate the financial hardships faced by these taxpayers, is it possible for the IRB to consider granting as a concession by allowing these taxpayers to claim 4 times the child relief.

**JAWAPAN:**

***Isu ini berkaitan dengan polisi perundangan.***

### **3.4 Para 46 (1) (d) of Income Tax Act 1967**

Under para 46(1)(d) Income Tax Act 1967, a taxpayer could claim up to RM5,000/= relief for purchase for supporting equipment for himself, (if he is disabled) his spouse, children or parent.

**What are the categories of supporting equipment falling within this para for a taxpayer to be eligible to claim the RM5,000/= relief?**

**JAWAPAN:**

***Tiada kategori khusus bagi alat sokongan untuk tujuan perenggan 46(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967.***

***Alat yang dimaksudkan itu mesti membolehkan seseorang yang kurang upaya menjalankan kehidupannya sebagai orang biasa. Orang kurang upaya adalah individu yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ibumama yang telah tua / uzur tidak dikategorikan sebagai orang kurang upaya.***

***Mengikut Ketetapan Umum 2/2005, alat sokongan asas termasuk mesin haemodialysis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata.***

**3.5 Para 46(1)(f) of Income Tax Act 1967**

Under para 46(1)(f), Income Tax Act 1967, can a taxpayer who is studying for a course leading to the award of the qualification by the Institute of Chartered Secretaries and Administrators ("ICSA") qualifies to claim the relief of RM5,000/= under this para.

Note: Although there is no Act to regulate Company Secretaries, under Section 139A of the Companies Act 1965, MAICSA the local division of ICSA is recognised as a prescribed professional body whose members are qualified to act as Company Secretaries.

**JAWAPAN:**

***Di peringkat tertiar (selain Sarjana atau Doktor Falsafah), hanya kursus pembelajaran dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi sahaja, yang layak untuk pelepasan di bawah perenggan 46(1)(f) Akta Cukai Pendapatan 1967.***

***Di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah pula, kursus pembelajaran dalam sebarang bidang atau kursus pengajian juga layak mendapat pelepasan tersebut.***

***Pelepasan ini tidak boleh dituntut sekiranya kemahiran atau kelayakan berkenaan berada di luar skop yang dinyatakan di atas seperti bidang kesetiausahaan.***

#### 4. Isu-isu tambahan daripada MIT

##### 4.1 Extension of Time for 31 March 2009 year-end.

In our letter to the IRB dated 13 January 2009, we have requested the IRB to continue granting 14 days grace period for filing of tax return forms C & R for companies with 31 December 2008 and 31 March 2009 year-ends. We like to thank the IRB for allowing the grace period for companies with 31 December 2008. However, we had not heard from the IRB in respect of our application for companies with 31 March 2009 year end. The Institutes would like to confirm with IRB that the 14-days grace period for filing is also granted to companies with financial year ended 31 March 2009.

**JAWAPAN:**

***Sila rujuk jawapan kepada Perkara 2.3 di atas.***

##### 4.2 Part G of Form E

Members have been indicated that they are unable to collate the information as required by Part G of Form EA. The requirement was made known to the employers so late that it is very difficult, if not impossible, for the employers to give complete information. Many of the information are not with the human resource department. For example, an employee given a motorcar and free petrol will not be recording details of each of his/her traveling as the benefit is calculated based on the prescribed value previously. Most of the expenses would have been incurred for official duties. Further a lot of records are not in the format as required by IRB unless the employers trace to the source documents and obtain the information. This add tremendous pressure on the businessmen as they are busy adjusting themselves for the economic downturn ahead.

**The Institute would request IRB to consider waiving the requirement this year. The employers need to pool all their resources to fight for survival at this time rather than mundane administrative work.**

The Institutes also noted that such requirement (disclosure in Part G) is not applicable for Form EC (for civil servants) although they do enjoy the same benefits!

**JAWAPAN:**

**Surat bertarikh 24 Februari 2009 kepada pihak persatuan dirujuk.**

**Majikan yang menghadapi masalah untuk menyediakan Borang EA mengikut format baru (Borang C.P. 8A – Pin. 2008) adalah dibenarkan untuk menggunakan format lama Borang EA (Borang C.P. 8A – Pin. 2005). Kelonggaran ini dibenarkan bagi tahun saraan 2008 sahaja.**

**Sekiranya format lama Borang EA digunakan, Ruang F (Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai) dalam C.P. 8D – Pin. 2008 tidak perlu diisi.**

**Majikan digalakkan untuk mengemukakan C.P. 8D dalam bentuk CD / diskette. Sekiranya bilangan pekerja tidak ramai, majikan digalakkan untuk memfailkan Borang E melalui e-Filing (e-E).**

**Untuk makluman pihak persatuan, 'Elaun / Perkuisit / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai' juga terdapat dalam format baru Borang EC (Borang C.P. 8C – Pin. 2008) iaitu di Bahagian F. Jenis dan amaun bagi setiap jenis 'Elaun / Perkuisit / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai' perlu disenaraikan dalam format baru Borang EC manakala dalam format baru Borang EA, hanya jumlah keseluruhan yang perlu diisi.**

#### **4.3 Compound of Prior Year PDF Filing**

A member informed that his client downloaded 2005 tax return Form BE from IRB website and submit the tax return on 25 April 2006. It was returned by IRB on 4 July 2006 on the grounds that the Form was not the original and request the taxpayer to file the original form and sent to IRB as soon as possible.

The PDF Form BE was returned to IRB together with a covering letter requesting that the Form BE be accepted as it was downloaded from the website. The IRB issued a letter on 23<sup>rd</sup> January 2009 imposing a penalty under Section 90(3), stating the reason the Form BE was received on 29 August 2006 after the due date for filing.

The Institutes are of the view that PDF Form was acceptable in 2005 and 2006. As such it should not be rejected in the first place. The Institutes would like to clarify that the IRB would not penalize taxpayers/tax agents for filing PDF Forms before YA2008 and PDF Form C & R are still allowed to be filed for YA 2008. There should be not penalty imposed on such cases.

**JAWAPAN:**

***Pihak persatuan diminta mengemukakan butiran kes tersebut kepada Pusat Pemrosesan untuk semakan semula. Kes borang nyata PDF sebelum tahun taksiran 2007 boleh dipertimbangkan berdasarkan merit kes. Borang nyata PDF yang dikemukakan mulai tahun taksiran 2007 hendaklah mengikut spesifikasi cetakan seperti dinyatakan di laman web LHDNM. Ini adalah kerana borang nyata PDF yang tidak mengikut spesifikasi akan ditolak semasa proses imbasan dan terpaksa diproses secara manual. Kualiti cetakan juga didapati berbeza-beza di antara mesin cetak dan dakwat yang digunakan. Keadaan ini menyebabkan kelewatan taksiran disifatkan. Masalah yang berbangkit dari penggunaan borang nyata PDF disenaraikan seperti di Lampiran A untuk perhatian pihak persatuan.***

**4.4 New IRB Directory, particularly technical and operational, audit and investigation**

We understand that the IRB is undergoing a restructuring and many officers are transferred among departments. To facilitate communication, we would appreciate if the IRB can issue a directory to the various professional bodies with the latest name, contact number, email address and designation of officers. It would be useful if the directory can also include the officer in-charge of the various sections or units.

**JAWAPAN:**

***LHDNM mengambil maklum cadangan pihak persatuan.***

**4.5 Updates of Website of the IRB**

Currently the English version of the website of IRB is not well maintained. New information is generally not included. Further, previous years announcement or press releases are not easily available.

Some of the information may still be relevant to taxpayer, particularly in the case of tax audit.

**JAWAPAN:**

***Laman web baru masih di peringkat pembangunan. Ciri-ciri baru laman web termasuklah kemudahan pemakluman kepada pengguna yang berdaftar melalui e-mel apabila terdapat pindaan / tambahan maklumat di laman web LHDNM kelak.***

## **5. Perkara-Perkara Lain Yang Dibangkitkan Oleh LHDNM**

### **5.1 Surat perlantikan ejen cukai**

LHDNM membangkitkan isu tentang pentingnya mengemukakan surat perlantikan ejen cukai. Ini bertujuan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini apabila orang yang mewakili pembayar cukai tidak dilantik seperti yang sepatutnya.

### **5.2 Panduan kepada pihak persatuan**

'Panduan Pengemukaan Borang Nyata Tahun Taksiran 2008 Bagi Kes-Kes Pembayaran Balik (Seksyen 110) Dan Cukai Terlebi Bayar Ke Pusat Pemprosesan Pandan Indah' diedarkan untuk perhatian pihak persatuan. Tambahan perkara iaitu "Ejen cukai dinasihatkan supaya mengokot dokumen dengan teratur dan betul supaya tiada helaian yang tertanggal terutamanya helaian terakhir." dimasukkan dalam Panduan tersebut seperti di Lampiran B.

- 5.3** Sejak dua tahun yang lepas, PEMUDAH telah menggesa agensi kerajaan untuk mewujudkan suasana yang mudah dan selesa bagi sektor swasta menjalankan perniagaan. Baru-baru ini, PEMUDAH bertanya tentang apa yang sektor swasta buat ke arah menjayakan program ini. Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil minta sektor swasta menyokong usaha-usaha sektor kerajaan dengan menggunakan perkhidmatan yang disediakan, sama ada ianya dalam bentuk elektronik ataupun tidak, untuk menaikkan taraf Malaysia dalam "Ease in Doing Business". Sektor swasta digalakkan untuk menerima perubahan yang sedang berlaku di sekeliling kita supaya tidak ketinggalan. Oleh itu, pembayar cukai / ejen cukai digalakkan mengguna perkhidmatan yang disediakan oleh LHDNM seperti *e-Filing*, e-Bayaran dan sebagainya.

## **6. Perkara-Perkara Lain Yang Dibangkitkan Oleh Pihak Persatuan**

### **6.1 Permohonan untuk borang nyata (borang kosong) di cawangan**

Bagi kes borang nyata yang tidak diterima, difahamkan bahawa wakil persatuan dari Johor menghadapi masalah mendapatkan borang nyata bagi pihak pelanggannya. Oleh itu, pelanggannya sendiri terpaksa mendapatkan borang nyata daripada cawangan LHDNM.



**Jawapan:**

**Kemungkinan cawangan mempunyai alasan sendiri untuk menolak permohonan ejen cukai berkenaan.**

**Arahan akan dikeluarkan kepada cawangan supaya mengeluarkan borang nyata (borang kosong) kepada ejen cukai yang memohon bagi pihak pelanggan mereka. Ejen cukai dikehendaki mengemukakan senarai nama dan nombor rujukan pelanggan berkenaan kepada cawangan semasa membuat permohonan.**

**Walau bagaimanapun, ejen cukai digalakkan supaya mengguna perkhidmatan e-Filing bagi memfailkan borang nyata pelanggan mereka.**

## **6.2 Cadangan mengadakan dialog di cawangan atau negeri**

Menurut wakil persatuan dari Johor, dialog diadakan setiap tahun di Johor Bahru bagi 4 atau 5 tahun yang lepas. Beliau mencadangkan supaya dialog diadakan di cawangan lain seperti Kuching, Pulau Pinang dan sebagainya kerana ia didapati berkesan dari segi penyelesaian isu dan masalah percukaian yang dihadapi oleh ejen cukai di negeri itu, dan juga membolehkan ejen cukai memberikan maklum balas.

**Jawapan:**

**YBhg Dato' Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan surat untuk menggalakkan cawangan menganjurkan dialog bersama persatuan-persatuan akauntan akan dikeluarkan. Isu-isu untuk perbincangan di peringkat cawangan / negeri terhad kepada isu-isu pelaksanaan sahaja. Isu-isu berkenaan dasar hendaklah diketengahkan ke Ibu Pejabat. Adalah disyorkan juga dialog di peringkat cawangan atau negeri diadakan selepas dialog di peringkat Ibu Pejabat supaya jawapan kepada isu-isu yang sama atau berkaitan adalah selaras dengan keputusan Ibu Pejabat.**

## **6.3 Kelewatan pengeluaran Garis Panduan dan Ketetapan Umum**

Wakil persatuan memberikan komen tentang kelewatan pengeluaran garis panduan dan ketetapan umum khususnya berkenaan Pindahan Harga ('Transfer Pricing') walaupun undang-undang yang berkenaan telah lama berkuatkuasa. Oleh kerana itu, ejen cukai risau bahawa layanan cukai / amalan yang diguna pakai sekarang mungkin bercanggah dengan garis panduan dan ketetapan umum yang dikeluarkan kelak.

**Jawapan:**

**Pengarah Jabatan Teknikal, LHDNM memaklumkan bahawa draf garis panduan dan ketetapan umum berkenaan telah disediakan tetapi masih dalam kajian di peringkat Kementerian Kewangan.**

#### **6.4 Kaedah Pindahan Harga ('Transfer Pricing') dan Kaedah Penentuan Harga Awal ('Advance Pricing Arrangement')**

Dr. Veerinderjeet memaklumkan bahawa pihak MIT baru menerima draf terakhir kaedah Pindahan Harga dan kaedah Penentuan Harga Awal. Undang-undang berkenaan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009, Oleh kerana kaedah-kaedah tersebut belum diwartakan lagi, maka penalti tidak harus dikenakan sekiranya tidak dipatuhi. Menurut beliau, 'thin capitalisation' sepatutnya di bawah kaedah berasingan dan bukan di bawah kaedah Pindahan Harga.

***Jawapan:***

***Pengarah Jabatan Teknikal, LHDNM menyatakan bahawa Pindahan Harga bukan suatu perkara baru dan kaedah berkenaan adalah hanya penambahbaikan untuk menjadikannya lebih tulus.***

#### **7. Penutup**

YBhg Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditamatkan pada pukul 12.30 tengahari.

PERBANDINGAN ANTARA BORANG NYATA PDF DENGAN BORANG NYATA ASAL

ISU		BORANG NYATA PDF	BORANG NYATA ASAL
1.	<b>Sampul surat</b>	Sampul surat yang biasa digunakan adalah berbeza saiz ukurannya dengan sampul surat beralamat sendiri. Oleh itu, sampul surat terpaksa dibuka secara manual.	Sekiranya sampul surat beralamat sendiri digunakan, ia boleh dibuka dengan lebih cepat oleh mesin pembuka sampul surat.
2.	<b>Pengasingan mengikut kategori 'Kedudukan Cukai'</b>	Lebih sukar untuk mengasingkan borang nyata PDF kerana tiada 'Kedudukan Cukai' di belakang sampul surat yang bukan beralamat sendiri. Oleh itu, pegawai dikehendaki mencari ruangan 'Kedudukan Cukai' dalam borang nyata yang diisi oleh pembayar cukai.	Jika 'Kedudukan Cukai' dinyatakan di belakang sampul surat beralamat sendiri, borang nyata boleh diasingkan dengan lebih cepat untuk diproses mengikut kategori dan keutamaan.
3.	<b>Pemprosesan borang nyata</b>	<b>(i) Memastikan borang lengkap</b> Bilangan muka surat setiap borang nyata PDF perlu dikira untuk memastikan bahawa borang nyata itu lengkap. Ini adalah kerana terdapat helaian muka surat yang tertinggal kerana dawai kokot / klip yang digunakan tidak kukuh. Helaian muka surat yang tidak mencukupi terpaksa melalui proses tambahan.	Bilangan muka surat tidak perlu dikira kerana borang nyata asal adalah dalam bentuk 'booklet'.
		<b>(ii) Kod bar ('bar code')</b> Tiada kod bar pada borang nyata PDF. Oleh yang demikian, pelekat kod bar hendaklah diletakkan pada borang tersebut sebelum dapat diproses.	Kod bar telah siap dicetak pada borang nyata asal.
		<b>(iii) Proses imbasan</b> Proses imbasan bagi borang nyata asal lebih cepat jika dibandingkan dengan borang nyata PDF kerana perkara-perkara berikut:-	
		<b>(a) Susunan muka surat</b> Pegawai dikehendaki memastikan bahawa muka surat adalah betul dan tersusun secara berturutan	Tiada masalah susunan muka surat bagi borang nyata asal.

ISU		BORANG NYATA PDF	BORANG NYATA ASAL
		<p>bagi setiap borang dalam setiap kelompok. Proses ini dibuat secara manual dan memakan masa.</p>	
		<p><b>(b) Bilangan muka surat</b></p> <p>Bilangan muka surat yang perlu diimbas bagi borang nyata PDF adalah lebih jika dibandingkan dengan borang nyata asal.</p>	<p>Proses imbasan borang nyata asal lebih cepat kerana bilangan muka surat tidak sebanyak borang nyata PDF.</p>
		<p><b>(c) Kualiti cetakan</b></p> <p>Jenis mesin pencetak, kertas dan dakwat menentukan kualiti cetakan dan seterusnya kualiti imej imbasan.</p> <p>Kualiti cetakan borang nyata PDF didapati berbeza-beza. Oleh kerana itu, satu sistem dengan program yang berasingan terpaksa disediakan untuk mengimbas borang nyata PDF. Selepas itu, operator perlu memasukkan data secara manual dengan berpandukan imej imbasan.</p>	<p>Kualiti cetakan berada di bawah kawalan dan imej imbasan adalah konsisten. Imbasan secara ICR ('Intelligent Character Recognition') tidak memerlukan kemasukan data secara manual.</p>
		<p><b>(d) 'Template'</b></p> <p>Lebih borang nyata PDF diperlukan untuk menyediakan 'template' kerana kualiti cetakan yang berbeza. Oleh itu, format PDF lebih sukar diselaraskan dan konfigurasi 'template' sentiasa perlu diperbaiki.</p>	<p>Hanya beberapa borang nyata asal sahaja diperlukan untuk menyediakan 'template' kerana kualiti cetakan yang lebih konsisten.</p>
		<p><b>(e) Imej kosong</b></p> <p>Muka surat belakang setiap helaian adalah kosong dan imej kosong dari imbasan muka surat tersebut perlu digugurkan.</p>	<p>Muka surat hadapan dan belakang boleh diimbas serentak iaitu secara 'duplex' dan tiada / kurang imej yang kosong.</p>

		<p><b>(iv) Validasi ('Validation')</b>  Borang nyata PDF akan dikembalikan kepada pembayar cukai sebagai borang tidak lengkap di bawah keadaan-keadaan berikut:-</p> <p><b>(a)</b> Borang nyata PDF yang tidak mengikut spesifikasi cetakan, misalnya muka hadapan dan belakang helaian dicetak ('double-sided').</p> <p><b>(a)</b> Borang nyata yang diterima adalah salinan fotostat dan bukannya borang nyata PDF.</p> <p><b>(b)</b> Muka surat dalam borang nyata PDF tidak lengkap.</p> <p><b>(c)</b> Kertas yang digunakan untuk mencetak borang nyata PDF kurang berkualiti dan mudah terkoyak.</p> <p><b>(d)</b> Cetakan / tulisan pada borang nyata PDF tidak jelas.</p>	
--	--	---	--

## LAMPIRAN B

<b>PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG NYATA TAHUN TAKSIRAN 2008 BAGI KES-KES PEMBAYARAN BALIK ( SEKSYEN 110 ) DAN CUKAI TERLEBIH BAYAR KE PUSAT PEMROSESAN PANDAN INDAH</b>	
<b>1.</b>	<b>Borang Nyata Dihantar Melalui Pos Biasa, Poslaju dan Pos Berdaftar.</b>  Pastikan petak 'Kedudukan Cukai' di belakang sampul surat beralamat LHDNM ditandakan.
<b>2.</b>	<b>Borang Nyata Dihantar Melalui Syarikat Kurier, Poslaju dan Pos Berdaftar</b>  Asing dan senaraikan kes-kes pembayaran balik ( seksyen 110 ) dan cukai terlebih bayar. Gunakan sampul surat beralamat LHDNM yang berasingan dan bertanda 'Kedudukan Cukai' apabila menghantarnya ke Pusat Pemrosesan.
<b>3.</b>	<b>Borang Nyata Dihantar Di Kaunter Oleh Ejen Cukai Atau Despatch</b>  Borang-borang nyata yang dihantar tanpa sampul surat hendaklah diasingkan kes-kes pembayaran balik ( seksyen 110 ) dan cukai terlebih bayar. Nyatakan 'Kedudukan Cukai' di atas kelompok borang nyata tersebut.
<b>4.</b>	Pastikan borang nyata lengkap, teratur dan tiada helaian yang tercicir sebelum menghantarnya ke Pusat Pemrosesan Pandan Indah. Gunakan dawai kokot / klip yang kukuh supaya helaian tidak tertanggal.
<b>5.</b>	Semua kes pembayaran balik ( seksyen 110 ) dan cukai terlebih bayar hendaklah diserahkan di:-  <b>Kaunter Khas No.16, Tingkat 12, Pusat Pemrosesan Pandan Indah.</b>